



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**BANGUNAN INDUSTRI
BAHAGIAN II**

KETETAPAN UMUM NO. 10/2016

TARIKH PENERBITAN: 5 DISEMBER 2016



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2016 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	2
4. Jenis Bangunan yang Layak sebagai Bangunan Industri	2
5. Ringkasan Jenis Bangunan Industri dan Kadar Elaun	11

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan jenis bangunan yang layak sebagai bangunan industri di bawah peruntukan perenggan 80, Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) melalui Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (KKCP) yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan ACP yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7 dan 8 serta Jadual 3.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah KKCP berikut:
 - (a) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Pusat Penjagaan Orang Tua) 2003 [P.U.(A) 143/2003];
 - (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Syarikat Berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) Yang Diluluskan) 2006 [P.U.(A) 202/2006];
 - (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Syarikat Berstatus Bionexus) 2007 [P.U.(A) 374/2007];
 - (d) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Bangunan Di Bawah Projek Penswastaan Dan Inisiatif Pembiayaan Swasta) 2010 [P.U.(A) 119/2010];
 - (e) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Tadika) 2013 [P.U.(A) 1/2013];
 - (f) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Taman Asuhan Kanak-Kanak) 2013 [P.U.(A) 2/2013]; dan
 - (g) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Bangunan Industri) (Syarikat Berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*) 2013 [P.U.(A) 27/2013].

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Badan berkanun” ertinya suatu badan, walau dengan nama apa pun disebut, yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan bagi maksud Kerajaan Persekutuan, tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan.
- 3.2 “Bangunan” termasuk apa-apa struktur yang didirikan di atas tanah yang bukan merupakan loji atau jentera.
- 3.3 “Kerajaan Malaysia” merujuk kepada Kerajaan Persekutuan sahaja dan tidak termasuk Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3.4 “Ketua Pengarah” bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang disebut dalam seksyen 134 ACP.
- 3.5 “Pemastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran menurut seksyen 7 atau 8 ACP.
- 3.6 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.7 “Perbelanjaan bangunan yang layak” bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pembinaan atau pembelian sebuah bangunan yang digunakan pada bila-bila masa selepas pembinaan atau pembeliannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai bangunan industri.
- 3.8 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu entiti undang-undang yang berasingan oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.

4. Jenis Bangunan yang Layak sebagai Bangunan Industri

Perenggan 80, Jadual 3 ACP memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menetapkan jenis bangunan yang layak sebagai bangunan industri dan menentukan kadarnya melalui KKCP yang dibuat di bawah subseksyen 154(1) ACP.

4.1 Pusat penjagaan orang tua

Pembinaan atau pembelian suatu bangunan yang digunakan oleh seseorang sebagai pusat penjagaan orang tua yang diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Contoh 1

Sebuah pusat penjagaan orang tua yang dikenali sebagai Mesra Bahagia dibuka di Daerah Sepang bagi memenuhi keperluan masyarakat serta harapan kerajaan untuk mempunyai populasi penuaan yang sihat, aktif dan produktif. Pusat tersebut telah mendapat kelulusan daripada JKM.

Bangunan Mesra Bahagia tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

4.2 Syarikat berstatus *Koridor Raya Multimedia (MSC)* yang diluluskan

4.2.1 Pembinaan atau pembelian bangunan di Zon Kemegahan Cyberjaya oleh pemilik bangunan yang diduduki pada pertama kalinya oleh syarikat berstatus MSC yang diluluskan. Bangunan itu mesti—

(a) digunakan oleh pemilik bangunan untuk menjalankan perniagaannya sebagai sebuah syarikat berstatus MSC yang diluluskan; atau

(b) disewakan kepada syarikat berstatus MSC yang diluluskan.

4.2.2 Penyewaan bangunan kepada syarikat berstatus MSC yang diluluskan hendaklah dianggap sebagai menjalankan suatu perniagaan dan pendapatan daripada aktiviti sewaan itu hendaklah dikenakan cukai mengikut perenggan 4(a) ACP.

4.2.3 Di bawah P.U.(A) 202/2006, peruntukan berhubung dengan suatu syarikat pemegang pelaburan di bawah seksyen 60F ACP dan syarikat pemegang pelaburan yang tersenarai di Bursa Malaysia di bawah seksyen 60FA ACP tidak terpakai kepada pendapatan yang diperolehi daripada penyewaan bangunan itu.

Nota:

(a) “Bangunan” bermaksud sebuah bangunan baharu yang menyediakan infrastruktur fizikal dan maklumat bertaraf dunia sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia Sdn. Bhd. yang tidak pernah diduduki oleh mana-mana syarikat sebelum P.U.(A) 202/2006 itu mula berkuat kuasa dan terletak di Zon Kemegahan Cyberjaya tetapi tidak termasuk bangunan bagi maksud tempat kediaman.

(b) “Zon Kemegahan Cyberjaya” bermaksud zon yang terletak di Cyberjaya sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia Sdn. Bhd.

- (c) “Syarikat berstatus MSC yang diluluskan” bermaksud suatu syarikat yang dianugerahkan status MSC oleh Kerajaan Malaysia dan menjalankan aktiviti MSC yang diluluskan.
- (d) “Aktiviti MSC yang diluluskan” bermaksud aktiviti yang diluluskan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia Sdn. Bhd.

Contoh 2

Animacion Production Sdn Bhd (APSB) adalah sebuah syarikat animasi yang telah dianugerahkan status MSC. APSB membeli dua buah bangunan, jenis A dan B di Zon Kemegahan Cyberjaya. Bangunan jenis A digunakan oleh APSB untuk menjalankan perniagaannya manakala bangunan jenis B disewakan kepada syarikat lain yang juga merupakan syarikat berstatus MSC.

Kedua-dua bangunan tersebut layak sebagai bangunan industri.

4.3 Syarikat berstatus BioNexus yang diluluskan

- 4.3.1 Pembinaan atau pembelian sebuah bangunan yang digunakan oleh syarikat berstatus BioNexus untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan dan digunakan semata-mata bagi maksud suatu perniagaan baharu atau suatu projek pembesaran. Syarikat tersebut hendaklah suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia yang diluluskan oleh Menteri Kewangan sebagai suatu syarikat berstatus BioNexus.
- 4.3.2 “Perniagaan baharu” bermaksud perniagaan yang pertama diluluskan yang dijalankan oleh suatu syarikat berstatus BioNexus.
- 4.3.3 “Projek pembesaran” bermaksud suatu projek yang dijalankan oleh suatu syarikat berstatus BioNexus bagi membesarkan perniagaan diluluskan yang sedia ada. Perniagaan itu hendaklah–
 - (a) telah diberi pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 [P.U. (A) 371/2007] atau Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 18) 2007 [P.U. (A) 372/2007]; dan
 - (b) melibatkan pelaburan baharu.
- 4.3.4 “Syarikat berstatus BioNexus” bermaksud suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang terlibat

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

dalam perniagaan sains kehidupan. Sains kehidupan merujuk kepada beberapa cabang sains seperti biologi, perubatan, antropologi atau ekologi, yang melibatkan organisma hidup dan organisasinya, proses kehidupannya dan hubungan antara satu sama lain dan alam sekitarnya.

- 4.3.5 Perbelanjaan bangunan yang layak yang pertama dilakukan hendaklah pada suatu tarikh yang ditentukan oleh Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Bioteknologi Malaysia Sdn. Bhd.) dan tarikh itu hendaklah tidak lebih awal dari 2 September 2006.
- 4.3.6 Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang berfungsi untuk membangunkan industri bioteknologi di Malaysia.
- 4.3.7 Oleh itu, Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia Sdn. Bhd. telah diberi tanggungjawab untuk menilai syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penilaian Kelulusan BioNexus bagi memperakukan status BioNexus untuk kelulusan Menteri Kewangan.

Contoh 3

Stem Cells Sdn Bhd (SCSB) telah mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan sebagai sebuah syarikat berstatus BioNexus untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan berkaitan sel tunjang. SCSB telah membeli sebuah bangunan untuk menjalankan aktiviti perniagaannya seperti pengumpulan, pemprosesan dan penyimpanan beku sel tunjang serta penyediaan perkhidmatan terapi perubatan sel tunjang.

Bangunan tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

4.4 Bangunan di bawah projek penswastaan dan inisiatif pembiayaan swasta

Sebuah bangunan akan dianggap sebagai sebuah bangunan industri jika bangunan itu dibina—

- (a) di bawah suatu projek penswastaan dan inisiatif pembiayaan swasta (IPS) yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penswastaan/IPS, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri; dan
- (b) menurut suatu perjanjian yang ditandatangani antara seseorang dengan Kerajaan Malaysia atau suatu badan berkanun yang

berasaskan bina-pajak-senggara-pindah dan Kerajaan Malaysia atau badan berkanun tidak akan membuat sebarang bayaran kepada orang itu.

Contoh 4

Pillmark Sdn Bhd (PSB) telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan cadangan projek menaiktaraf Hospital Bahagia di Perak atas konsep Kerjasama Awam Swasta secara IPS melalui kaedah bina-pajak-senggara-pindah. Projek tersebut diluluskan oleh Jawatankuasa Penswastan di Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri. Susulan daripada itu, satu perjanjian konsesi ditandatangani antara PSB dengan Kerajaan Malaysia bagi tempoh selama 25 tahun.

Syarat-syarat perjanjian adalah seperti berikut:

- (a) PSB bertanggungjawab untuk semua pembiayaan kewangan projek tersebut. Kerajaan Malaysia tidak akan membuat sebarang bayaran kepada PSB.
- (b) Kerajaan Malaysia hanya akan membuat bayaran caj penyelenggaraan aset kepada PSB selepas kemudahan dan infrastruktur telah siap dibina iaitu bermulanya tempoh pajakan kepada Kerajaan Malaysia dan disenggara oleh PSB.
- (c) Pada akhir tahun ke-25, PSB akan memindah semua kemudahan dan infrastruktur kepada Kerajaan Malaysia tanpa sebarang kos dan perbelanjaan kepada Kerajaan Malaysia. Selepas itu, kemudahan dan infrastruktur tersebut akan dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

Projek menaiktaraf hospital meliputi pembinaan kemudahan dan infrastruktur berikut:

- (a) dua blok bangunan baharu untuk digunakan sebagai pusat jagaan harian;
- (b) sebuah makmal patologi;
- (c) sebuah bank darah;
- (d) laluan pejalan kaki berbumbung;
- (e) sebuah kompleks tempat letak kereta bertingkat; dan
- (f) suatu tempat letak kereta terbuka.

Semua bangunan yang dibina oleh PSB layak sebagai bangunan industri kecuali tempat letak kereta terbuka.

Tempat letak kereta terbuka tidak memenuhi maksud bangunan sebagaimana yang ditafsirkan di perenggan 3.2 dalam KU ini.

4.5 Taman didikan kanak-kanak (tadika)

Pembinaan atau pembelian sebuah bangunan oleh seorang individu atau syarikat yang digunakan sebagai tadika hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut—

- (a) orang itu adalah pemilik bangunan itu; dan
- (b) bangunan tersebut digunakan oleh orang itu bagi maksud perniagaan berhubung dengan penyediaan dan penyelenggaraan tadika yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*].

Jika bangunan itu juga digunakan bagi tujuan perniagaan lain atau suatu aktiviti selain daripada perniagaan itu, maka hanya bahagian bangunan yang digunakan untuk penyediaan dan penyelenggaraan tadika layak sebagai sebuah bangunan industri.

Bahagian daripada bangunan yang tidak digunakan sebagai bangunan industri hendaklah dianggap sebagai sebuah bangunan industri sekiranya perbelanjaan modal yang dilakukan atas pembinaan bahagian itu adalah tidak melebihi 10% daripada kos pembinaan keseluruhan bangunan itu. Jika perbelanjaan modal yang dilakukan tidak boleh dikenalpasti, perbelanjaan yang berkaitan hendaklah dikira dengan merujuk kepada keluasan lantai masing-masing bagi bahagian-bahagian itu atau mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

Contoh 5

Maria adalah seorang pemilik tunggal Tadika Ceria Harmoni. Tadika itu beroperasi di sebuah bangunan yang dibeli oleh beliau bagi tujuan perniagaan tersebut. Tadika itu diluluskan oleh KPM.

Oleh sebab kedua-dua syarat dipenuhi, maka bangunan tadika tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

4.6 Taman asuhan kanak-kanak (taska)

Pembinaan atau pembelian sebuah bangunan oleh seorang individu atau syarikat yang digunakan sebagai taska hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut—

- (a) orang itu adalah pemilik bangunan itu; dan
- (b) bangunan tersebut digunakan oleh orang itu bagi maksud perniagaan taska yang berdaftar dengan JKM di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*].

Jika bangunan itu juga digunakan bagi tujuan perniagaan lain atau suatu aktiviti selain daripada perniagaan itu, maka hanya bahagian bangunan yang digunakan untuk tujuan taska layak sebagai sebuah bangunan industri.

Bahagian daripada bangunan yang tidak digunakan sebagai bangunan industri hendaklah dianggap sebagai sebuah bangunan industri sekiranya perbelanjaan modal yang dilakukan atas pembinaan bahagian itu adalah tidak melebihi 10% daripada kos pembinaan keseluruhan bangunan itu. Jika perbelanjaan modal yang dilakukan tidak boleh dikenalpasti, perbelanjaan yang berkaitan hendaklah dikira dengan merujuk kepada keluasan lantai masing-masing bagi bahagian-bahagian itu atau mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

Contoh 6

DEF Sdn Bhd telah membina sebuah bangunan dua tingkat. Tingkat bawah digunakan bagi menjalankan suatu perniagaan taska, iaitu Taska Si Comel manakala tingkat atas digunakan untuk perniagaan Pusat Tuisyen Bistari. Taska tersebut telah berdaftar dengan JKM.

Tingkat bawah bangunan tersebut layak sebagai sebuah bangunan industri.

Nota:

Sila rujuk kepada KU No. 4/2016 bagi layanan cukai ke atas insentif untuk pengusaha taska dan tadika.

4.7 Syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*

- 4.7.1 Sebuah bangunan komersil di dalam *Tun Razak Exchange* yang dibina atau dibeli oleh suatu syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* layak sebagai sebuah bangunan industri dengan syarat—

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (a) syarikat itu adalah pemilik bangunan komersil itu; dan
 - (b) bangunan komersil itu digunakan oleh syarikat itu bagi maksud suatu perniagaan seperti yang dinyatakan di bawah—
 - (i) Perniagaan bank atau bank saudagar yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [Akta 372]¹;
 - (ii) Perniagaan insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553]¹;
 - (iii) Perniagaan Bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276]²;
 - (iv) Perniagaan takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312]²;
 - (v) Aktiviti terkawal di bawah Jadual 2 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671];
 - (vi) Aktiviti terkawal di bawah Jadual 4 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 atau seperti yang ditentukan oleh Suruhanjaya Sekuriti; atau
 - (vii) Pajakan bangunan komersil kepada orang (kecuali individu) yang menjalankan aktiviti perniagaan yang dinyatakan dalam perenggan 4.7.1(b)(i) hingga (vi) di atas.
- 4.7.2 Jika bangunan komersil itu juga digunakan bagi tujuan perniagaan lain atau bagi suatu aktiviti selain daripada aktiviti perniagaan yang dinyatakan dalam perenggan 4.7.1(b) di atas, maka hanya bahagian bangunan yang digunakan untuk tujuan aktiviti perniagaan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4.7.1(b) di atas layak sebagai sebuah bangunan industri.

¹Berkuat kuasa mulai 30 Jun 2013, Akta ini digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758].

²Berkuat kuasa mulai 30 Jun 2013, Akta ini digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759].

- 4.7.3 Bahagian daripada bangunan yang tidak digunakan sebagai bangunan industri hendaklah dianggap sebagai sebuah bangunan industri sekiranya perbelanjaan modal yang dilakukan atas pembinaan bahagian itu adalah tidak melebihi 10% daripada kos pembinaan keseluruhan bangunan itu. Jika perbelanjaan modal yang dilakukan tidak boleh dikenalpasti, perbelanjaan yang berkaitan hendaklah dikira dengan merujuk kepada keluasan lantai masing-masing bagi bahagian-bahagian itu atau mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.
- 4.7.4 Penyewaan sebuah bangunan industri kepada orang yang menjalankan perniagaan yang dinyatakan dalam perenggan 4.7.1(b) di atas dianggap menjalankan suatu aktiviti pajakan. Pendapatan daripada aktiviti ini hendaklah dianggap sebagai suatu punca perniagaan yang berasingan dan berlainan syarikat itu di bawah perenggan 4(a) ACP.
- 4.7.5 P.U. (A) 27/2013 tidak terpakai berkenaan dengan—
- (a) perbelanjaan bangunan yang layak yang dilakukan oleh syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* selepas 31 Disember 2020; dan
 - (b) sebuah syarikat yang merupakan seorang pemaju yang diluluskan yang telah diberikan pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2013 [P.U. (A) 28/2013].

Nota:

Bangunan komersil bermaksud sebuah bangunan komersil atau sebahagian daripada sebuah bangunan komersil yang terletak di dalam *Tun Razak Exchange* yang digunakan bagi tujuan perniagaan sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan 4.7.1(b) di atas.

Contoh 7

Latish Berhad (LB) adalah sebuah syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*. Syarikat telah membeli sebuah bangunan pejabat di dalam kawasan Tun Razak Exchange pada bulan Januari 2015. Pada bulan Jun 2015, syarikat telah memajakkan bangunan pejabat tersebut kepada sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan perbankan Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Tempoh pajakan adalah selama 15 tahun dan LB menuntut elaun bangunan industri bagi

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

perbelanjaan modal yang dilakukan untuk pembelian bangunan tersebut.

Bangunan pejabat itu layak sebagai sebuah bangunan industri kerana ia adalah sebuah bangunan komersil dan dipajakkan kepada sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan 4.7.1(b) di atas.

5. Ringkasan Jenis Bangunan Industri dan Kadar Elaun

Bil.	Bangunan yang layak sebagai bangunan industri	KKCP yang berkaitan	%	
			Elaun Permulaan	Elaun Tahunan
1.	Bangunan yang dibina atau dibeli yang digunakan sebagai pusat penjagaan orang tua [Berkuat kuasa mulai tahun taksiran (TT) 2003].	P.U. (A) 143/2003	-	10
2.	Bangunan yang dibina atau dibeli yang digunakan oleh sebuah syarikat berstatus MSC [Berkuat kuasa mulai TT 2006].	P.U. (A) 202/2006	-	10
3.	Bangunan yang dibina atau dibeli yang digunakan oleh sebuah syarikat berstatus BioNexus [Berkuat kuasa pada 2 September 2006].	P.U. (A) 374/2007	-	10
4.	Bangunan yang dibina di bawah suatu projek penswastaan dan inisiatif pembiayaan swasta [Berkuat kuasa mulai TT 2009].	P.U. (A) 119/2010	10	6
5.	Bangunan yang dibina atau dibeli yang digunakan sebagai tadika [Berkuat kuasa mulai TT 2013].	P.U. (A) 1/2013	-	10
6.	Bangunan yang dibina atau dibeli yang digunakan sebagai taska [Berkuat kuasa mulai TT 2013].	P.U. (A) 2/2013	-	10
7.	Bangunan komersil di dalam <i>Tun Razak Exchange</i> yang dibina atau dibeli dan digunakan oleh sebuah syarikat berstatus	P.U. (A) 27/2013	-	10



**BANGUNAN INDUSTRI
BAHAGIAN II
Ketetapan Umum No. 10/2016
Tarikh Keluaran: 5 Disember 2016**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

	<i>Tun Razak Exchange Marquee</i> [Berkuat kuasa mulai TT 2014 untuk perbelanjaan bangunan yang layak dilakukan pada atau sebelum 31/12/2020].			
--	--	--	--	--

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**